

**PERANAN GURU BESAR DALAM PELAKSANAAN ICT DI SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN (CINA) DAERAH KULAI SELATAN**

Lokman Bin Mohd Tahir & Phoon Ai Ling

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

**ABSTRAK :** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tentang peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan. Sampel kajian adalah seramai 238 orang guru yang mengajar di sekitar Daerah Kulai Selatan. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Analisis statistic deskriptif telah digunakan untuk mengenalpasti peranan guru besar dalam menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah; peranan guru besar dalam menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah; peranan guru besar dalam mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengurusan sekolah; peranan guru besar dalam mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah manakala analisis statistik inferensi melalui ujian-t dan ANOVA sehala digunakan untuk melihat perbezaan dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah berdasarkan perbezaan demografi guru iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah  $\alpha = 0.980$ . Hasil kajian menunjukkan bahawa purata skor min keseluruhan ialah pada tahap sederhana iaitu nilai 3.59. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aspek jantina, umur, dan pengalaman mengajar guru dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah. Bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aspek kelulusan akademik guru dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah. Sebagai penutup bicara, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak berkenaan sebagai panduan untuk memperbaiki kelemahan yang ada terutamanya dalam peranan guru besar sebagai pemangkin ICT di sekolah.

**ABSTRACT :** The purpose of this research is to determine the role of headmaster in implementing ICT at Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) District of South Kulai. Samples of this research were 238 teachers in the District of South Kulai. Questionnaire was used as the instrument for this study. Descriptive statistics were used to identify the role of headmaster in providing the infrastructures ICT in school; the role of headmaster in encouraging teachers of using ICT in school; the role of headmaster to implement ICT usage among teachers in school management aspect; the role of headmaster to implement ICT usage among teachers in teaching and learning aspect in school. In addition, inferential statistics analysis through t-test and one way ANOVA were used to measure the differences in assessment the role of headmaster in implementing ICT at school based on the teachers' demographic which were gender, age, academic qualifications and teaching experiences. The alpha value for the pilot test conducted was measured at 0.980. The outcome of the research indicates the average of mean score was at moderate level which was at 3.59. This study also showed that there was a significant difference based on the teachers' gender, age and teaching experiences in the assessment of the role of headmaster in implementing ICT at school. However, there was no significant difference based on the teachers' academic qualifications in the assessment of the role of headmaster in implementing ICT at school. As a conclusion, researcher forwarded some suggestions to the

authorities concerned as guideline to improve the existing weakness in the role of headmaster as ICT catalyst in schools.

Katakunci : *peranan guru besar, pelaksanaan ICT, ujian-t, ANOVA*

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang dipacu oleh kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ICT telah berjaya meresap ke semua sektor dalam kehidupan masyarakat sama ada oleh kakitangan awam, swasta, golongan akademik ataupun orang dewasa. Seperti juga lain-lain perkara baru yang diperkenalkan di dalam kehidupan, ICT menimbulkan pelbagai reaksi daripada setiap lapisan masyarakat. Terdapat pelbagai pandangan bahawa ICT mampu meringankan kerja seharian. Terdapat juga yang berpandangan bahawa ICT mempengaruhi minda kanak-kanak. Oleh itu, adalah penting dan wajib usaha pengenalan kepada ICT untuk meningkatkan kefahaman yang positif di antara masyarakat terhadap penggunaan ICT dalam kehidupan harian.

Untuk memastikan rakyat Malaysia mampu menangani kelaluan percambahan ilmu setiap saat, reformasi dalam sistem pendidikan perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan. Bagi mengharungi cabaran dan wawasan 2020, pembangunan pendidikan yang dirancang perlu mengambilkira pelaksanaan dan penguasaan ICT dalam kalangan pelajar di negara ini. Najib Razak (1997) pernah di dalam ucapannya menyatakan bahawa “sama ada kita setuju atau tidak, proses pendidikan di negara kita menjelang abad ke 21 tidak dapat lari daripada mendedahkan pelajar kepada teknologi maklumat dan multimedia. Ledakan multimedia sedang berlaku dengan pesatnya. Di seluruh dunia, negara maju telahpun melaksanakannya dalam prasarana pembangunan sumber manusia dengan tujuan melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berketrampilan dalam bidang teknologi digital menjelang abad akan datang”.

## PERNYATAAN MASALAH

Walaupun penggunaan ICT adalah penting dalam pelbagai aspek di sekolah, malah implementasi ICT pada setakat ini masih berada pada tahap yang kurang memuaskan sekali. Jadi adalah perlu melaksanakan penggunaan ICT di sekolah. Maka timbulnya persoalan bagaimana melaksanakan ICT di sekolah terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang agak kurang dikaji oleh para penyelidik? Di samping itu, kajian cuba meneliti siapakah yang sepatutnya memainkan peranan dalam pelaksanaan ICT di sekolah? Maka, kajian ini dilaksanakan akan dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan bagi mengkaji, meneliti dan menganalisis peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan. Bagi melaksanakan ICT di sekolah, guru besar perlu memastikan bahawa infrastruktur yang disediakan adalah lengkap dan sempurna. Infrastruktur ini terdiri daripada komputer, *overhead projector, note book, digital camera*, dan kemudahan peralatan multimedia yang lain. Guru besar juga perlu memperbaiki infrastruktur komunikasi dan multimedia seperti kemudahan komputer, lebar jalur tinggi yang bersepadan dan sambungan internet serta makmal komputer. Di samping itu, guru besar juga perlu menyedari tanggungjawab mereka menggalakkan guru-guru di sekolah menghadiri kursus seperti kursus ICT jangka pendek yang disediakan dari semasa ke semasa bagi membolehkan mereka menguasai ilmu dan kemahiran

ICT. Malah program perkembangan staf perlu digerakkan oleh guru besar ke arah meningkatkan kebolehan guru-guru terutamanya kesedaran terhadap ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pelaksanaan ICT boleh dijalankan dengan mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah. Khususnya daripada segi penyampaian maklumat dan penyediaan bahan sumber. Selain itu, guru besar harus mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemudahan ICT dapat membantu perlaksanaan kurikulum dengan berkesan. Pembelajaran bukan lagi tertumpu dengan kaedah *chalk and talk* di dalam bilik darjah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat lima objektif utama yang dikemukakan ke atas kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti peranan guru besar dalam menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah.
- ii. Mengenalpasti peranan guru besar dalam menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah.
- iii. Mengenalpasti peranan guru besar dalam mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengurusan sekolah.
- iv. Mengenalpasti perbezaan dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah berdasarkan perbezaan demografi guru iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar.
- v. Mengenalpasti peranan guru besar dalam mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini diharap dapat mengesan peranan guru besar dalam melaksanakan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Secara fokusnya kajian ini cuba meninjau peranan guru besar dalam penyediaan infrastruktur ICT yang lengkap, menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah, mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru terutamanya berdasarkan aspek pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Hasil daripada kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya dapat mengatur program yang bersesuaian agar sentiasa memberi dorongan dan motivasi kepada pemimpin sekolah dan juga para pendidik sekolah untuk mananamkan budaya menguasai dan menggunakan ICT dalam sekolah. Dengan demikian berharap dapat menghasilkan generasi yang celik maklumat selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pendidikan melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Keputusan pertama dalam menentukan metodologi kajian ialah tentang reka bentuk kajian. Terdapat pelbagai reka bentuk kajian di mana setiap kaedah diandaikan mempunyai ciri-ciri khusus seperti teknik, reka bentuk dan analisis data yang tersendiri. Setiap kaedah mempunyai

kebaikan dan mungkin kelemahan yang tersendiri. Jadi, lebih penting ialah kaedah yang digunakan dapat menyelesaikan masalah kajian yang telah dibina dalam bab 1 (Mohd Najib, 1999).

Menurut Mohd Majid (1990), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Jadi kaedah penyelidikan deskriptif telah digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku iaitu peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan. Maka, kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif adalah satu penyelidikan tinjauan bereka bentuk dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku. Soal selidik yang digunakan ini telah menggunakan kaedah Skala Likert lima mata iaitu responden memilih jawapan daripada satu kontinuum (sangat tidak setuju hingga sangat setuju) (Mohd Najib, 1999). Soalan yang dibina adalah merujuk kepada objektif kajian iaitu merangkumi peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT di sekolah.

## PERSAMPELAN DAN TEMPAT KAJIAN

Saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian nanti. Lebih besar saiz sampel, maka lebih mantap kajian kerana dapat mengurang kesilapan keputusan. Selain itu, proses menambahkan bilangan saiz sampel juga dapat meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor (Mohd Najib, 1999). Dengan ini, penyelidik telah membuat keputusan untuk mengambil semua jumlah populasi sebagai responden untuk memperkuatkan dan meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

Jadual 1: Sampel kajian mengikut sekolah

Bil.	Nama Sekolah	Bilangan Guru
1.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Woon Hwa	36
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pulai	69
3.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Senai	60
4.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Saleng	50
5.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ching Yeh	10
6.	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) See Long	13
Jumlah		238

Jadual 1 di atas menunjukkan senarai Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang dipilih sebagai sampel kajian berserta dengan jumlah bilangan guru dalam setiap sekolah tersebut. Sampel untuk kajian ini adalah terdiri daripada 238 orang guru dari enam buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Daerah Kulai Selatan. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Woon Hwa terdiri daripada 36 orang guru manakala Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pulai terdiri daripada 69 orang guru. Selain daripada itu, seramai 60 orang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Senai, 50 orang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Saleng manakala 10 orang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ching Yeh dan 13 orang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) See Long.

## INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Menurut Mohd Najib (1999), data yang diperolehi daripada responden adalah tepat kerana mereka merasa lebih selamat untuk memberikan jawapan kepada soal selidik yang tidak memerlukan mereka menulis nama sendiri serta perkara yang sulit akan dirahsiakan oleh pengkaji. Selain itu, soal selidik digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang (Oppenheim, 1966).

## ANALISIS DATA

Jadual 2: Peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT

Bil.	Persoalan Kajian	Purata Skor Min	Tahap Persetujuan
1.	<b>Persoalan kajian 1</b> Adakah guru besar menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah?	3.44	Sederhana
2.	<b>Persoalan kajian 2</b> Adakah guru besar menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah?	3.48	Sederhana
3.	<b>Persoalan kajian 3</b> Adakah guru besar mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengurusan sekolah?	3.83	Tinggi
4.	<b>Persoalan kajian 4</b> Adakah guru besar mengimplementasikan penggunaan ICT dalam kalangan guru berdasarkan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah?	3.59	Sederhana
<b>PURATA</b>		<b>3.59</b>	<b>Sederhana</b>
5.	<b>Persoalan kajian 5</b> Adakah terdapat perbezaan dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah berdasarkan perbezaan demografi guru iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar? a) Jantina guru b) Umur guru c) Kelulusan akademik guru d) Pengalaman mengajar guru	Ada perbezaan yang signifikan Ada perbezaan yang signifikan Tiada perbezaan yang signifikan Ada perbezaan yang signifikan	

Jadual 2 menunjukkan peranan guru besar dalam pelaksanaan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan. Purata skor min keseluruhan yang diperolehi daripada empat persoalan kajian ialah pada tahap sederhana iaitu nilai 3.59. Di samping itu, data melalui ujian-t dan ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aspek jantina, umur, dan pengalaman mengajar guru dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah. Manakala kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aspek kelulusan akademik guru dalam penilaian peranan guru besar melaksanakan ICT di sekolah.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan peranan guru besar dalam menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah adalah pada tahap yang sederhana dengan purata nilai skor min 3.44. Dengan ini, boleh dirumuskan bahawa guru besar perlu berusaha lagi untuk menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap di sekolah bagi meningkatkan pelaksanaan ICT di sekolah.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan guru besar memberi penekanan kepada kemudahan ICT agar yang disediakan boleh digunakan atau tidak rosak adalah pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min 3.78. Penyelidik berpendapat bahawa guru besar memberi prihatin yang sepenuhnya terhadap kemudahan ICT yang disediakan agar guru boleh memanfaatkannya dengan sepenuhnya. Ini selari dengan pendapat Raja Maznah (1993) yang menyatakan guru akan menggunakan teknologi jika teknologi itu “available” dan “accessible”. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru besar telah menyediakan kemudahan komputer seperti mesin pencetak dan mesin pengimbas di dalam bilik guru adalah pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min 3.73. Penyelidik berpendapat guru besar sememangnya menyediakan mesin pencetak dan mesin pengimbas di dalam bilik guru memandangkan para guru amat memerlukan kemudahan komputer ini dalam menyediakan sesuatu bahan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini seiringan dengan hasil dapatan kajian daripada Beatrice Andrew (2007) iaitu komputer, internet dan pencetak merupakan sumber yang paling kerap digunakan oleh guru pelatih semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah.

Menerusi kajian ini, penyelidik mendapati bahawa min keseluruhan bagi peranan guru besar dalam menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah adalah pada tahap yang sederhana iaitu dengan purata nilai skor min 3.48. Keputusan ini menunjukkan bahawa guru besar telah memainkan peranannya menggalakkan guru-guru menggunakan ICT di sekolah. Bagaimanapun, memandangkan tahap untuk kajian ini masih berada pada tahap yang sederhana, maka penyelidik berpendapat guru besar perlu berusaha lagi memberikan lebih banyak galakan dan sokongan kepada guru-guru agar meningkatkan lagi penggunaan ICT dalam kalangan guru. Pendapat ini seiringan dengan hasil dapatan kajian daripada Noorashikin (2006) iaitu galakan dan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah sedikit sebanyak telah memberikan semangat dan motivasi kepada guru untuk terus memperbaiki dan meningkatkan kemahiran penggunaan ICT yang sedia ada. Hasil dapatan kajian daripada Law Sie Yeing (2006) juga menunjukkan bahawa galakan daripada pihak pentadbir sekolah merupakan faktor penggalak kepada penggunaan ICT di sekolah.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa guru besar telah menggalakkan guru menggunakan sistem ICT dalam penyediaan kertas kerja atau soalan-soalan peperiksaan adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.30 manakala guru besar menggalakkan guru-guru menggunakan sistem ICT untuk menyimpan maklumat pelajar seperti maklumat peribadi, pencapaian akademik, penglibatan kokurikulum, disiplin juga pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.12. Penyelidik berpendapat dengan menggunakan ICT, pelbagai jenis maklumat pelajar dapat disimpan dan dikemas kini dengan lebih mudah, selamat dan tidak membuang masa. Selain itu, tugas pengurusan sehari-hari seperti surat menyurat kepada ibu bapa dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan cekap. Ini seiringan dengan pendapat Esah Sulaiman (2003) yang menyatakan penggunaan computer dalam pengurusan memudahkan penyimpanan dan mendapatkan semula rekod pelajar. Keputusan ini diperkuuhkan lagi dengan pendapat Bashid (2007) yang menyatakan bahawa ICT berkebolehan menukar data-data mentah yang tidak memberi makna kepada maklumat yang tersusun dan berguna apabila telah diproses, disimpan dan boleh dikemaskinikan dengan mudah dan cepat dengan menggunakan pelbagai perisian komputer yang ada. Maklumat-maklumat yang telah diproses ini dapat membantu pengurus sekolah membuat keputusan-keputusan yang tepat dan berguna dalam perancangan, pemantauan dan kawalan.

## RUJUKAN

- Andrew, B. (2007). *Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Sejauh Mana Ia Meningkatkan Kemahiran Generic Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Cats-Baril, W. L., & Thompson, R. L. (1997). *Information Technology And Management*. Chicago: Irwin.
- Cheng Song Huat dan Lai Choy. (1997). *Kamus Perdana*. Selangor: United Publishing House.
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hishammuddin Hussein. (2005). 8500 Sekolah Ada Infrastruktur ICT 2010. *Berita Harian*. September, 8.
- Ibrahim Mamat. (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepimpinan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Johannsen, H., & Terry Page, G. (1995). *International Dictionary of Management*. London: Kogan Page.
- Kamarudin Hj. Kachar. (1989). *Pendidikan Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Teks.
- Laudon, K. C. (1997). *Essentials of Management Information Systems: Organization And Technology*. Upper Saddle River, N.J.: Prentice-Hall.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammed Sani Ibrahim. (1998). Perancangan Dan Strategi Pelaksanaan Latihan Guru-Guru Sekolah Bestari. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara*.
- Musa Abu Hassan. (2007). Maklumat Di Hujung Jari Anda. *Dewan Siswa*, 12-13.
- Najib Razak. (2007). Pengetua Mesti Kuasai Aplikasi Asas ICT: TPM. *Berita Harian*. April, 17.
- Ng Wai. Kong. (2002). *ICT Dan Pengajaran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Samat Buang. (2006). Pendidikan Bestari Pemangkin Kegemilangan. *Dewan Siswa*, 8-10.
- Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling (2005). Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT Dan Kekangan/ Cabaran Penggunaan ICT. *Seminar Pendidikan 2005*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia*. Pahang: PTS Professional.
- Yusoff Harun (2007). ICT Di Sekolah Perlu Komitmen. *Utusan Malaysia*. April, 15.